

HUBUNGAN DIANTARA GAYA PEMBELAJARAN DAN KEMAHIRAN  
INSANIAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

NOR ZALIFAH BINTI SALIM

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2012

## ABSTRAK

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran dan kemahiran insaniah dikalangan pelajar. Kajian ini melibatkan 138 orang responden dari Politeknik Merlimau. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dari *Learning Styles, official Dunn & Dunn Online Assessments, Surveys & community* dan adaptasi dari soal selidik kajian lepas. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Dapatan dianalisis melalui komputer menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics (Statistical Packages for Social Sciences) Version 19.0 for Windows* bagi mendapatkan jumlah peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai. Kajian rintis telah dijalankan dan didapati nilai *Alpha Cronbach* adalah 0.936. Hasil kajian mendapati gaya pembelajaran Emosional (min=4.02) paling dominan mempengaruhi gaya pembelajaran responden dan diikuti oleh pola gaya pembelajaran Sosiologikal (min=3.14). Tahap kemahiran insaniah berada pada tahap tinggi bagi Kemahiran Kemahiran berkomunikasi ialah (min=3.81) dan kemahiran kerja berpasukan (min=4.08). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan kemahiran insaniah pelajar dan terdapat hubungan yang signifikan juga antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar. Namun, dapatan kajian turut mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

## ABSTRACT

This descriptive study aimed to investigate the learning styles and soft skills among students. The study involved 138 respondents from Polteknik Merlimau. The instrument used was a questionnaire from the Learning Styles, Dunn & Dunn Official Online Assessments, Surveys & community and the adaptation of the previous survey questionnaires. A questionnaire distributed to the respondents to obtain information and data that are required. The findings were analyzed by computer using IBM SPSS Statistics (Statistical Packages for Social Sciences) Version 19.0 for Windows to get the percentage, frequency, mean and standard deviation. A pilot study was conducted and found the Cronbach-Alpha was 0.936. The study found Emotional learning style (mean=4.02) are the most dominant influence respondents' learning styles and followed by sociological (mean=3.14). Level of soft skills at the high level of skills Communication skills are (mean=3.81) and teamwork skills (mean=4.08). Results showed a significant relationship between learning style and soft skills of students and there is also a significant relationship between soft skills to academic achievement. However, the study also found no significant relationship between learning style and academic achievement. In addition, recommendations were made also to improve the effectiveness of teaching and learning.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<i>ABSTRACT</i>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	8
	1.4 Objektif kajian	10
	1.5 Persoalan kajian	10
	1.6 Hipotesis kajian	10
	1.7 Kerangka konsep kajian	11
	1.8 Kepentingan kajian	12
	1.9 Skop kajian	12
	1.10 Batasan kajian	13
	1.11 Definisi istilah dan operasi	14
	1.12 Rumusan	15

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Kemahiran insaniah	16
2.2.1	Kemahiran Berkomunikasi	17
2.2.2	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	19
2.2.3	Kemahiran Kerja Berpasukan	19
2.2.4	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	20
2.2.5	Kemahiran Keusahawanan	21
2.2.6	Etika dan Moral Profesional	21
2.2.7	Kemahiran Kepimpinan	22
2.3	Gaya pembelajaran	22
2.3.1	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	23
2.3.1.1	Elemen Persekitaran	24
2.3.1.2	Elemen Emosional	25
2.3.1.3	Elemen Sosiologi	27
2.3.1.4	Elemen Fizikal	28
2.3.1.5	Elemen Psikologi	30
2.3.2	Model Myers-Briggs Type Indicator (MBTI)	31
2.3.3	Model Herman Witkin Field Independence-Dependence	32
2.3.4	Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984)	32
2.3.4.1	Gaya Konkrit dan Refleksi	32
2.3.4.2	Gaya Abstrak dan Refleksi	33
2.3.4.3	Gaya Abstrak dan Aktif	33
2.3.4.4	Gaya Konkrit dan	33

	Aktif	
2.3.5	Model Gaya Pembelajaran Filder dan Silverman (1988)	33
2.3.5.1	Pelajar Perasa dan Pelajar Pemikir	34
2.3.5.2	Pelajar Visual dan Pelajar Verbal	34
2.3.5.3	Pelajar Induktif dan Pelajar Deduktif	34
2.3.5.4	Pelajar Aktif dan Pelajar Reflektif	34
2.3.6	Model Gaya Pembelajaran (VAK), Barbe (1987)	34
2.3.6.1	Gaya Pembelajaran Visual	35
2.3.6.2	Gaya Pembelajaran Auditori	35
2.3.6.3	Gaya Pembelajaran Kinestetik	35
2.3.7	Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	35
2.3.7.1	Aktivis	36
2.3.7.2	Reflektif/Reflektor	36
2.3.7.3	Teoris	37
2.3.7.4	Pragmatis	37
2.4	Pencapaian Akademik	38
2.5	Rumusan	39

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka bentuk kajian	40
3.3	Populasi dan sampel kajian	41
3.4	Instrumen kajian	42

3.4.1	Bahagian A (Latar belakang responden)	43
3.4.2	Bahagian B (Teknik atau gaya pembelajaran popular)	43
3.4.3	Bahagian C (Perlaksanaan penerapan kemahiran insaniah)	44
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan	44
3.6	Kajian rintis	45
3.7	Kaedah analisis data	47
3.8	Rumusan	48
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	50
4.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	50
4.3	Analisis dapatan bahagian A (Demografi Responden)	51
4.3.1	Jantina	51
4.3.2	Bangsa	51
4.3.3	Umur	52
4.3.4	Pencapaian akademik	52
4.4	Analisis dapatan bahagian B (Gaya Pembelajaran Popular)	53
4.4.1	Analisis Gaya Pembelajaran bagi Elemen Emosi	53
4.4.2	Analisis Gaya Pembelajaran bagi Elemen Sosiologi	55
4.4.3	Gaya Pembelajaran Popular	56
4.5	Analisis dapatan bahagian C (Pelaksanaan dan Penerapan Kemahiran Insaniah)	57
4.5.1	Analisis kemahiran insaniah bagi elemen kemahiran berkomunikasi	57
4.5.2	Analisis kemahiran insaniah bagi elemen kemahiran kerja	59

	berpasukan	
4.5.3	Pelaksanaan dan Penerapan Kemahiran Insaniah	61
4.6	Pengujian dan keputusan hipotesis	61
4.6.1	Pengujian hipotesis hubungan antara gaya pembelajaran dengan kemahiran insaniah	62
4.6.2	Pengujian hipotesis hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar	62
4.6.3	Pengujian hipotesis hubungan antara kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar	63
4.7	Rumusan	63
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>65</b>
5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan Kajian	65
5.2.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Elemen Dalam Gaya Pembelajaran Yang Paling Dominan Atau Kerap Digunakan Oleh Pelajar Di Politeknik Merlimau?	65
5.2.2	Persoalan Kajian 2: Apakah elemen kemahiran insaniah yang paling tinggi dimiliki oleh pelajar di Politeknik Merlimau?	68
5.2.3	Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah terhadap pelajar Politeknik	70



	Merlimau?	
5.2.4	Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran yang diamalkan terhadap kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau?	72
5.2.5	Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan diantara tahap penguasaan kemahiran insaniah terhadap kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau?	73
5.3	Kesimpulan	74
5.4	Cadangan Kajian	75
	<b>RUJUKAN</b>	<b>78</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

3.1	Bilangan populasi dan sampel kajian	41
3.2	Nilai skor skala likert	42
3.3	Bilangan item bagi setiap faktor dalam Gaya Pembelajaran	43
3.4	Bilangan item bagi setiap faktor dalam Kemahiran Insaniah	44
3.5	Hasil ujian kebolehpercayaan keatas instrumen kajian	45
3.6	Hasil dapatan kajian rintis	45
3.7	Kategori Skala Ordinal Empat Mata	47
3.8	Pengkelasan Tahap Markat Skor Min	48
3.9	Kaedah analisis data	48
4.1	Hasil ujian kebolehpercayaan keatas instrumen kajian	50
4.2	Taburan responden berdasarkan jantina	51
4.3	Taburan responden berdasarkan bangsa	52
4.4	Taburan responden berdasarkan umur	52
4.5	Taburan responden berdasarkan pencapaian akademik	53
4.6	Analisis skor min gaya pembelajaran bagi elemen emosi	53
4.7	Analisis skor min gaya pembelajaran bagi elemen sosiologi	55
4.8	Analisa skor min mengikut elemen gaya pembelajaran bagi pelajar di Politeknik Merlimau	57
4.9	Analisis skor min kemahiran insaniah bagi kemahiran berkomunikasi	58
4.10	Analisis skor min kemahiran insaniah bagi kemahiran kerja berpasukan	59

4.11	Analisa skor min mengikut elemen kemahiran insaniah bagi pelajar di Politeknik Merlimau	61
4.12	Hasil Korelasi Pearson untuk pembolehubah gaya pembelajaran dengan kemahiran insaniah	62
4.13	Hasil Korelasi Pearson untuk pembolehubah gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar	63
4.14	Hasil Korelasi Pearson untuk pembolehubah kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar	63

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep kajian	11
2.1	Elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn	23

**SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH**

IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KI	-	Kemahiran Insaniah
KIM	-	Kemahiran insaniah mesti
KIT	-	Kemahiran insaniah tambahan
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
SP	-	Sisihan Piawai

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Carta Gantt Projek Sarjana
Lampiran B	Surat Kebenaran Melakukan Kajiselidik
Lampiran C	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian
Lampiran D	Penyata Soal Selidik Dunn & Dunn
Lampiran E	Soal Selidik
Lampiran F	Hasil analisis kajian rintis

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kepesatan pembangunan yang berlaku masa kini telah menjadi satu fenomena yang menular di seluruh dunia. Dalam menghadapi kepesatan pembangunan ini, negara berhadapan dengan permintaan keperluan tenaga manusia supaya dapat terus sama mengikuti arus pembangunan yang berlaku terutamanya dalam bidang teknikal. Tenaga pekerja yang berilmu dan mahir adalah amat penting dalam persaingan pasaran pekerjaan. Justeru, kemahiran teknikal yang diajar dan diterapkan semasa proses pembelajaran sangat membantu dalam menghasilkan tenaga pakar ini. Namun, fenomena yang berlaku masa kini, tenaga pakar yang hanya mahir dalam bidang – bidang tertentu tidak lagi memadai untuk pasaran tenaga kerja, sebaliknya, terdapat kemahiran – kemahiran yang lain yang perlu diambil kira dan sangat penting dalam meningkatkan tahap kebolehan pasaran diri.

Hassan(2007) menyatakan bahawa globalisasi membentuk keupayaan tenaga manusia negara agar menjadi lebih multiskil (kemahiran yang pelbagai) dan fleksibel dalam meneroka dunia pekerjaan. Dalam melahirkan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran pelbagai ini, ia haruslah dipupuk dari peringkat awal lagi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan tempat yang berperanan untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmuan yang menjalankan penyelidikan bagi tujuan mengembangkan ilmu bagi pembangunan masyarakat. Cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Fadilah dan Hasmadi (2010) menyebut institusi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional perlu memainkan peranan yang sewajarnya bagi membantu melahirkan bakal tenaga kerja

yang berpengetahuan dan berkemahiran. Zain, Suja', Ahmad & Basri *et al* (2007) turut mempunyai pendapat yang sama dimana universiti bukan hanya menghasilkan sumber manusia yang berpengetahuan tetapi perlu juga menghasilkan modal insan yang mempunyai ciri – ciri insaniah yang diperlukan oleh negara.

Disebalik kepesatan pembangunan yang berlaku di negara ini, isu pengangguran masih lagi menjadi topik utama yang sering dibahaskan dan dilihat sebagai suatu masalah yang tidak dapat diselesaikan walaupun terdapat pelbagai inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar di industri. Ini bertentangan dengan visi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dinyatakan oleh Abu Bakar (2008) yang mensasarkan untuk menghasilkan graduan-graduan yang kompeten dengan sasaran 75% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Dengan isu pengangguran yang tiada penyudah ini, adalah amat mustahil untuk visi KPT ini untuk dicapai dalam jangkamasa yang singkat.

Martin, Carrier, & Hill (1997) menyatakan Setengah-setengah kemahiran yang diperlukan oleh para majikan terhadap para pekerja barunya adalah berkaitan dengan trend kesepaduan. Antara kemahiran yang diperlukan oleh para majikan adalah kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran berhubung; kemahiran matematik, kemahiran memberi alasan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran berkumpulan, "flexibel" dan juga daya usaha. Sekiranya Kemahiran – kemahiran ini diterapkan dengan baik semasa pelajar masih menuntut di pusat pengajian maka isu pengangguran mungkin dapat dikurangkan. Untuk menerapkan kemahiran – kemahiran ini, ia bergantung kepada bagaimana seseorang individu itu belajar.

Hargreaves (1996) menyebut, pembelajaran tidak hanya tertumpu kepada penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi lebih kepada aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan. Pembelajaran melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat.

Walaubagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. (Baharin Abu, 2000; Felder & Silverman, 1988; Godleski, 1984; Oxford et al., 1991;



Smith & Renzulli, 1984) menyatakan masalah berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran pensyarah. Akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa.

Kajian oleh Bass dan Greary (1996) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau gaya pembelajaran dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Dunn dan Stevenson (1997) menyatakan gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran.

Maka, boleh dikatakan melalui gaya pembelajaran yang berkesan akan dapat membantu pelajar meningkatkan bukan sahaja pencapaian akademik mereka, namun tidak mustahil ia akan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran – kemahiran yang diingini oleh majikan – majikan masa kini dan sekiranya ia diaplikasikan dengan berkesan, tidak mustahil isu penganguran dikalangan gaduan – graduan ini dapat dikurangkan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat. Salah satu faktor yang mendorong kepada pembangunan sesebuah negara ialah penduduknya. Menurut Dessier (2001), penduduk yang mempunyai kelengkapan dan kesempurnaan pakej dalam meningkatkan prestasi dalam kerjayanya bukan sahaja berjaya dalam kehidupannya malah negara tanpa disedari. Dinyatakan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (2006), kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan golongan belia dalam pembangunan negara.

Dalam menghasilkan generasi yang berkualiti tinggi dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara yang mantap, institusi – institusi pengajian memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat pengembangan ilmu. Selain berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu, IPT juga berperanan melahirkan modal insan berbakat besar yang berupaya untuk memenuhi keperluan

semasa dan masa hadapan negara. Menurut Md Zain *et al.* (2007), Universiti bukan hanya menghasilkan sumber manusia yang berpengetahuan tetapi perlu juga kepada menghasilkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri insaniah yang diperlukan oleh Negara.

IPT merupakan pusat pelajar – pelajar untuk mencari dan berkongsi ilmu sekaligus menjadi batu loncatan kepada pelajar untuk terjun kedalam bidang pekerjaan yang boleh menjamin masa depan. Memetik kata – kata menteri pengajian tinggi, Yang Berhormat Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin (2010), Sektor pendidikan adalah kritikal, bukan sahaja sebagai satu saluran untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia dan mewujudkan mobiliti sosial, tetapi juga sebagai enjin pembangunan di atas kewibawaannya sendiri. Rancangan Malaysia Kespuluh (RMK-10) memberi penumpuan kepada pembangunan modal insan sebagai satu syarat wajib dari segi ekonomi. Ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan modal insan dan sahsiah pelajar merupakan aspek penting yang sangat dititik beratkan oleh semua pihak agar pelajar yang dihasilkan kelak mampu menangani masalah – masalah yang telah dijangka mahupun masalah yang tidak dijangka yang akan timbul pada masa hadapan.

Ketika ini, ribuan graduan dari pelbagai bidang telah dihasilkan oleh puluhan IPT di seluruh Malaysia. Namun, isu pengangguran dikalangan graduan masih lagi ketara sedangkan terdapat ribuan kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor di negara kita. Dalam kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (2003), responden yang menganggur menunjukkan kurang kecenderungan terhadap kemahiran berkomunikasi secara penulisan dengan kemahiran penulisan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris merupakan kemahiran yang paling kurang dimiliki oleh responden. Ini menunjukkan bahawa graduan masa kini kurang dalam penguasaan kemahiran berkomunikasi.

Menurut Rasul *et al.*(2009), pertambahan bilangan lulusan teknikal yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan teknikal Malaysia kelihatan mencukupi pasaran buruh namun begitu masih juga ramai yang tidak mendapat pekerjaan. Hasil kajian Mustapha (2002) menunjukkan bahawa majikan dari industri pembuatan di Malaysia mendapati lulusan-lulusan teknikal di Malaysia mempunyai kemahiran teknikal lebih daripada mencukupi tetapi majikan masih kurang berpuas hati dengan kemahiran komunikasi, interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh lulusan teknikal ini. Situasi ini menunjukkan

bahawa walaupun memiliki kelulusan dari pelbagai tahap samada sijil diploma atau ijazah, masih terdapat kekurangan dari segi kemahiran selain pengetahuan akademik dalam diri pelajar yang diperlukan oleh majikan terutamanya dari segi kemahiran komunikasi. Disini dapat dilihat bahawa IPT yang berperanan sebagai pembekal tenaga pakar untuk mengisi tempat pekerjaan semata-mata tidak lagi dianggap memadai dengan hanya membekalkan pelajar – pelajar ini dengan ilmu pengetahuan akademik dan tidak melengkapkan mereka dengan penguasaan kemahiran – kemahiran seperti yang dinyatakan oleh majikan – majikan ini.

Hari ini, pelajar lebih fokus untuk memastikan mereka dibekalkan dengan pengetahuan terkini berdasarkan kepesatan teknologi supaya proses pembelajaran dan pengajaran lebih relevan dengan perkembangan semasa. Dalam keadaan yang sedemikian, aspek lain seperti kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, kemahiran insaniah di kalangan pelajar yang seharusnya diterapkan dalam pendidikan yang bersepadu itu kadangkala tidak menonjol sepanjang pengajian di IPT. Ini disokong lagi dengan hasil kajian Zaini (2005) ke atas lulusan teknikal mendapati 80,000 lulusan teknikal yang masih menganggur, dan mendapati lulusan teknikal banyak bergantung kepada kelayakan akademik untuk mendapat pekerjaan serta kurang kompetensi kemahiran bukan teknikal atau kemahiran yang dinamakan kemahiran '*employability*' yang diperlukan majikan.

Isu pengangguran yang wujud ini dilihat berpunca daripada kurangnya penguasaan kemahiran selain kemahiran teknikal yang diperlukan oleh majikan. Rasul *et al.* (2009) menyatakan faktor lulusan teknikal yang tiada kemahiran seperti yang dikehendaki oleh majikan menyebabkan majikan mencari pekerja yang lebih kompeten dari luar negara. Situasi masa kini jelas menunjukkan seseorang individu perlu mempunyai satu lagi kemahiran, iaitu kemahiran insaniah, kebanyakan majikan berpendapat bahawa kemahiran insaniah dapat menjamin pekerjaan seseorang individu untuk terus bertahan dalam bidang yang diceburi. Kegagalan siswazah mendapat kerja seringkali dikaitkan dengan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Hassan, Ahmad, Bahari (2008) menyatakan Selain lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikiran sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat berpasukan dan kurang kemahiran berkomunikasi. Terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa IPT tidak menyediakan pelajarannya

dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Menurut Zain *et al.* (2007), Kemahiran insaniah atau "*soft skill*" merupakan kemahiran yang perlu ada kepada setiap graduan untuk membantu mereka bersaing di alam pekerjaan samada di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Kemahiran insaniah yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan personaliti graduan itu sendiri dari segi bijak berkomunikasi, boleh menyesuaikan diri dalam kelompok individu baru dikenali, bijak untuk mendapatkan kenalan baru, berdaya saing dan kreatif dalam menjalankan tugas. Kemahiran insaniah merangkumi aspek kemahiran yang bersifat bukan akademik seperti sentiasa berfikiran positif, berkepimpinan, boleh bekerjasama dalam satu pasukan, bijak berkomunikasi dan berinisiatif untuk terus belajar.

Kemahiran insaniah boleh dipecahkan kepada tujuh aspek yang utama iaitu kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dan etika dan moral profesional. Dengan memberikan pendedahan dan pengalaman sekeliling yang mencukupi akan dapat membantu menanamkan sifat – sifat atau kemahiran ini dalam diri pelajar itu sendiri sekaligus menjadikan mereka lebih kompetitif dan berketerampilan.

Maka, IPT bukan hanya menghasilkan sumber manusia yang berpengetahuan tetapi perlu juga kepada menghasilkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri insaniah yang diperlukan oleh Negara. Negara akan rugi jika generasi yang bakal menjadi pewaris masa depan terumbang ambing mencari pekerjaan tanpa kemahiran di dada. Negara amat memerlukan pelapis yang berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan malah di peringkat antarabangsa. Seharusnya siswazah wajar melengkapkan diri dengan memiliki pelbagai kemahiran yang tinggi, berketerampilan, di samping bersahsiah terpuji demi meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan bangsa dan negara.

Dalam menerapkan sifat – sifat insaniah ini, salah satu kaedah yang boleh diketengahkan ialah daripada teknik atau gaya pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar semasa belajar. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar adalah berbeza diantara satu sama lain. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar boleh dipengaruhi oleh faktor – faktor yang tertentu. Menurut Dunn dan Dunn dalam

Abuet *al.* (2007), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar adalah seperti Persekitaran, Emosional, Sosiologi, Fizikal dan Psikologi.

Menurut Mohamed Zakaria (2007), Gaya bermaksud stail atau cara. Maka gaya pembelajaran seseorang merujuk kepada teknik atau cara pembelajarannya. Gaya pembelajaran juga merujuk kepada cara individu berinteraksi dengan sistem maklumat atau rangsangan kemudian memproses dan menganalisa maklumat tersebut di dalam otak untuk dijadikan pengetahuan dengan cara atau pemahaman tersendiri.

Menurut Mustafa (2007), apabila pelajar diajar menggunakan gaya pengajaran yang berpadanan dengan cara atau gaya mereka belajar, maka mereka mendapat markah lebih tinggi dalam peperiksaan dan mendapat lebih pengetahuan fakta, berbanding mereka yang diajar dengan cara yang berlawanan gaya mereka. Beliau turut menyatakan bahawa dari segi gaya pembelajaran sosiologi pula pengalaman mengajar penyelidik menunjukkan kebanyakan pelajar pra-siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia lebih menggemari gaya belajarsecara kumpulan kerana mereka boleh berbincang sesama sendiri.

Secara ringkasnya, terdapat beberapa jenis gaya pembelajaran yang telah digunapakai oleh pengkaji – pengkaji sebelum ini. Antaranya ialah Teori Gaya Pembelajaran Kolb. Othman dan Othman (2004) menyenaraikan empat komponen dalam teori gaya pembelajaran Kolb iaitu gaya konkrit dan refleksif, gaya abstrak dan refleksi, gaya abstrak dan aktif, gaya konkrit dan aktif. Antara konsep utama teori gaya pembelajaran Kolb adalah pembelajaran dianggap sebagai proses yang holistik dan tidak ada titik hujungnya. Proses pembelajaran akan menunjukkan dengan jelasnya cara-cara bagaimana pengetahuan diperolehi dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya.

Teori gaya pembelajaran Filder dan Silverman yang dipetik oleh Hashim, dan Yaakub (2004), mengaplikasikan pelajar kepada beberapa gaya tertentu iaitu pelajar perasa dan pelajar pemikir, pelajar visual dan pelajar verbal, pelajar induktif dan pelajar deduktif, pelajar aktif dan pelajar reflektif.

Model Gaya Pembelajaran VAK pula terdiri daripada tiga elemen asas iaitu visual, auditori dan kinestetik (VAK). Menurut gaya pembelajaran ini, pelajar belajar melalui tiga pendekatan yang berbeza iaitu pendekatan visual iaitu pelajar yang cenderung kepada kaedah penggunaan ilustrasi atau gambar, auditori iaitu pelajar

yang cenderung untuk belajar dengan mendengar penjelasan atau perbualan orang lain dan kinestetik iaitu pelajar yang lebih kepada praktikal.

Model Gaya Pembelajaran oleh Dunn dan Dunn menyatakan gaya pembelajaran seseorangpelajar bergantung kepada lima unsur utama iaitu alam sekitar, emosi, sosiologi dan fizikal. Yahaya, Abdul Karim & Yahaya (2003) menyatakan bahawa kajian yang dilakukan sejak abad yang lalu menunjukkan bahawa strategi belajar seseorang adalah berbeza diantara satu sama lain tanpa mengira umur, status sosio ekonomi atau tahap kecerdasan minda.

Yahaya *et al.*(2003) menyebut jika gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar bersesuaian dengan jurusan yang diambil, ia akan memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik mereka. Othman dan Othman(2004) menyebut dalam kajiannya bahawa perbezaan pencapaian wujud antara pelajar berdasarkan penggunaan gaya pembelajaran yang berbeza manakala Mohamed Zakaria (2006) telah membuat kajian mengenai hubungan gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian akademik. Hasil kajian tersebut mendapati sifat individu seperti gaya pembelajaran boleh memberi kesan kepada hasil pencapaian pelajar. Othman *et al.* (2008)pula menyebut dalam kajiannya, pendekatan teknik pembelajaran berasaskan masalah telah berjaya membantu pelajar meningkatkan kemahiran insaniah mereka bagi menghadapi dunia pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa dengan pendekatan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai dengan matapelajaran yang diambil, akan dapat membantu pelajar meningkatkan tahap penguasaan kemahiran insaniah mereka.

Graduan ideal yang berbakat ini selain menguasai ilmu yang dipelajari, mereka juga memiliki ciri-ciri kemahiran insaniah seperti bijak berkomunikasi, mahir dalam mengenal pasti dan menyelesaikan masalah untuk penghasilan inovasi, berkesan dalam cara gaya kepimpinan serta kerja berpasukan. Graduan juga bukan sahaja selesa merebut peluang dalam pasaran pekerjaan, malah berupaya menghasilkan faedah daya saing, daya juang dan nilai tambah industri, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Antara punca berlakunya isu pengangguran ialah kurangnya penguasaan terhadap kemahiran – kemahiran selain akademik. Dalam kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (2003), responden yang menganggur

menunjukkan kurang kecenderungan terhadap kemahiran berkomunikasi secara penulisan dengan kemahiran penulisan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris merupakan kemahiran yang paling kurang dimiliki oleh responden. Hassan et al (2008) menyatakan Selain lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikiran sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat berpasukan dan kurang kemahiran berkomunikasi. Terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa IPT tidak menyediakan pelajarinya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Menurut Zain *et al.* (2007), Kemahiran insaniah atau “*soft skill*” merupakan kemahiran yang perlu ada kepada setiap graduan untuk membantu mereka bersaing di alam pekerjaan samada di pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Dalam menerapkan sifat – sifat insaniah ini, salah satu kaedah yang boleh diketengahkan ialah daripada teknik atau gaya pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar semasa belajar. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Menurut Dunn dan Dunn (1978), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar adalah seperti Persekitaran, Emosional, Sosiologi, Fizikal dan Psikologi. Model ini seterusnya dijadikan sebagai panduan kajian dalam mengesan gaya belajar pelajar di Politeknik Merlimau, Melaka. Oleh itu, apakah gaya pembelajaran yang menonjol (atau dominan) yang diamalkan oleh mereka? Di samping itu, apakah tahap amalan kemahiran insaniah dikalangan pelajar ini? Pengkaji ingin melihat sejauh manakah hubungan diantara gaya pembelajaran yang digunakan pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah seterusnya mengkaji sejauh manakah perkaitan diantara tahap penguasaan kemahiran insaniah dengan gaya pembelajaran yang diamalkan akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Justeru kajian ini dibuat untuk mengkaji gaya pembelajaran, kemahiran insaniah di kalangan pelajar tahun akhir Diploma di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau supaya langkah yang betul dapat diambil untuk memperbaiki situasi yang berlaku, di samping untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dan prestasi akademik pelajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh manakah gaya pembelajaran model Dunn dan Dunn serta penerapan kemahiran insaniah dapat mempengaruhi prestasi akademik dikalangan pelajar-pelajar di Politeknik Merlimau. Secara khususnya objektif kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Mengetahui apakah elemen dalam gaya pembelajaran yang dominan atau paling kerap digunakan oleh pelajar di Politeknik Merlimau.
- ii. Mengkaji apakah tahap kemahiran insaniah yang paling tinggi dimiliki oleh pelajar di Politeknik Merlimau.
- iii. Mengetahui sejauh manakah hubungan diantara gaya pembelajaran yang diamalkan dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan untuk kajiselidik ini ialah:

- i. Apakah elemen dalam gaya pembelajaran yang paling dominan atau kerap digunakan oleh pelajar di politeknik Merlimau.
- ii. Apakah tahap kemahiran insaniah yang paling tinggi dimiliki oleh pelajar di Politeknik Merlimau.
- iii. Adakah terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah terhadap pelajar Politeknik merlimau.
- iv. Adakah terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran yang diamalkan terhadap kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau.
- v. Adakah terdapat hubungan diantara tahap penguasaan kemahiran insaniah terhadap kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau.

#### **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis untuk kajian ini ialah:


$H_{01}$  : Tidak terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah dikalangan pelajar Politeknik Merlimau.



H<sub>02</sub> : Tidak terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran dengan kecemerlangan akademik dikalangan Politeknik Merlimau.

H<sub>03</sub> : Tidak terdapat hubungan diantara tahap penguasaan kemahiran insaniah dengan kecemerlangan akademik pelajar Politeknik Merlimau.

### 1.7 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1 : kerangka konsep kajian

( Adaptasi dari Dunn dan Dunn, 1978 dan modul KI KPT,2006)

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan, Satu kerangka konseptual telah dibentuk. Berdasarkan kerangka konseptual yang dibentuk, hasil gabungan antara dua elemen dalam gaya pembelajaran berasaskan model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn dengan dua kemahiran insaniah akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini, pengkaji berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terutamanya kepada pelajar tahun akhir, fakulti dan pensyarah, dan pusat latihan dan perkembangan pengajaran dan pembelajaran. Khususnya hasil kajian ini dijangkakan dapat menyumbang kepada:

- i. Mendorong pelajar untuk meningkatkan prestasi belajar melalui amalan belajar yang betul dan mengetahui masalah gangguan belajar yang mereka boleh hadapi supaya langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasinya.
- ii. Pihak pengurusan jabatan dalam memantau sejauh mana keberkesanan kaedah pembelajaran yang digunakan pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar itu sendiri.
- iii. Pensyarah dan pelajar yang terlibat untuk sama-sama memperbaiki dan meningkatkan lagi cara atau metod pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran untuk sama-sama meraih kecemerlangan di masa depan.
- iv. Sebagai rujukan kepada individu yang berminat untuk membuat kajian dalam bidang yang sama pada masa akan datang.

## 1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini dijadikan panduan kepada penyelidik untuk melakukan kajian. Skop kajian ini akan menentukan keputusan kajian yang akan diperoleh sama ada data yang diperoleh cukup untuk menentukan terdapat perbezaan kepada tahap penerapan kemahiran insaniah dalam gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar di Politeknik Merlimau yang hanya mengfokuskan kepada pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Oleh itu, generalisasi tidak boleh dibuat kepada semua pelajar tahun akhir dan juga kepada semua pelajar di Politeknik Merlimau. Kajian ini juga menggunakan rekabentuk tinjauan dan hanya menggunakan soalselidik sebagai instrument kajian.

Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah seperti yang dinyatakan dalam modul pembangunan kemahiran insaniah untuk institusi pengajian tinggi Malaysia, seperti kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran keusahawanan,

pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dan etika dan moral profesional. Namun yang dikaji dalam kajiselidik ini hanyalah kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran insaniah ini adalah mengikut keperluan industri yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia(2007).

Gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini ialah daripada model Dunn dan Dunn yang terdiri dari lima elemen asas iaitu alam sekitar, emosi, psikologi, sosiologi dan fizikal. Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada elemen emosi dan sosiologi sahaja.

### **1.10 Batasan Kajian**

Batasan dan limitasi untuk menjalankan kajian ini ialah:

#### 1.10.1 Masa yang terhad

Masa yang diberikan untuk menjalankan penyelidikan ini adalah terhad yang akan menghadkan skop kajian kerana masa untuk menjalankan kajian dan menganalisis data adalah terhad.

#### 1.10.2 Kejujuran responden

Kejujuran responden semasa menjawab soal selidik juga menjadi batasan kajian dalam kajiselidik ini. Ini kerana penyelidik tidak akan dapat mengetahui dan mengukur sejauh mana kejujuran responden semasa menjawab soal selidik yang diedarkan.

#### 1.10.3 Kefahaman responden terhadap soal selidik

Kefahaman responden terhadap soal selidik yang diedarkan amat penting dalam kajiselidik ini kerana ia akan menentukan samada objektif kajiselidik ini akan tercapai atau tidak. Dalam konteks kefahaman responden, penyelidik tidak dapat memastikan sejauh manakah tahap pemahaman responden akan soal selidik yang diedarkan. Jika responden faham dengan soalan yang diberikan, maka jawapan yang

diberikan adalah jawapan yang sepatutnya. Jika responden tidak faham dengan soalan, keadaan yang sebaliknya akan berlaku.

### **1.11 Definisi istilah dan operasi**

Kajian ini menggunakan definisi istilah berdasarkan kepada konsep atau model berikut.

#### **1.11.1 Gaya Pembelajaran**

Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn digunakan dalam kajian ini. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai cara seseorang mula menumpu perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang baru dan susah. Model 5 kategori gaya pembelajaran Dunn dan Dunn ialah Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Dalam kajian ini, gaya pembelajaran merujuk kepada gaya pembelajaran berasaskan Model Dunn dan Dunn dengan elemen emosi dan sosiologi yang diamalkan oleh pelajar – pelajar di Politeknik Merlimau Melaka.

#### **1.11.2 Kemahiran insaniah**

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik. *Zainet al.* (2007) menyebut kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu ada kepada setiap graduan untuk membantu mereka bersaing di alam pekerjaan samada di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Hassan et al (2008) turut sependapat dengan kenyataan ini apabila menyebut selain memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang, sisazah perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain. Dalam kajian ini, kemahiran insaniah merujuk kepada modul pembangunan kemahiran insaniah untuk IPT di Malaysia dengan elemen kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kerja berpasukan.

## **1.12 Rumusan**

Bab ini menjelaskan masalah kajian yang melibatkan responden dari pelajar tahun akhir program Diploma Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Merlimau yang membolehkan kajian dijalankan bagi mengkaji masalah yang telah dinyatakan. Bab ini membincangkan pengenalan kajian iaitu latarbelakang, masalah kajian dan objektif dan persoalan kajian yang membolehkan pengkaji menjalankan kajian di lokasi yang telah dikenalpasti. Berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan dalam bab ini, Bab 2 akan membincangkan sorotan penulisan yang menjelaskan rujukan – rujukan kajian lalu serta teori berkaitan dengan masalah kajian yang dikaji.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menghuraikan literatur mengenai kajian ini. Huraian dibuat merujuk kepada dua perkara iaitu gaya pembelajaran dan kemahiran insaniah serta perkaitan diantara dua aspek tersebut. Perbincangan bahagian ini merujuk kepada kajian lepas yang mengenai gaya pembelajaran, kemahiran insaniah pelajar dan pencapaian akademik.

#### **2.2 Kemahiran Insaniah**

Kemahiran insaniah merupakan suatu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar pada masa kini. Terdapat tujuh kemahiran insaniah yang disenaraikan oleh iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

Dalam buku terbitan Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan manakala kemahiran generik merupakan kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan. Kemahiran insaniah boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu:

a) Kemahiran insaniah mesti (KIM)

Kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar. Sekiranya kemahiran ini tidak dikuasai, pelajar dianggap tidak kompeten dalam aspek berkaitan.

b) Kemahiran insaniah tambahan (KIT)

Merupakan nilai tambahan kepada pelajar. Jika dikuasai sepenuhnya oleh pelajar, pelajar dianggap kompeten dengan cemerlang dalam aspek berkaitan.

Tujuh jenis kemahiran insaniah tersebut diuraikan seperti berikut:

### **2.2.1 Kemahiran Berkomunikasi**

Chitty(2001) mendefinisikan komunikasi sebagai pertukaran pendapat, idea atau maklumat sekurang – kurangnya pada dua tahap iaitu lisan dan bukan lisan. Menurut Karim, (2010), komunikasi yang efektif memerlukan kemahiran dan perkembangan dalam kemahiran memerlukan latihan yang berterusan. Dengan menjadikan latihan secara berterusan akan meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar dalam menyampaikan sesuatu idea dalam keadaan yang lancar dan menarik. Kemahiran berkomunikasi seperti yang dinyatakan dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlaian dan dengan peserta komunikasi yang berlainan.

Berkomunikasi dengan baik menjadi suatu kelebihan buat pelajar untuk melangkah ke alam pekerjaan kerana dengan kebolehan untuk berinteraksi dengan individu lain dalam suasana yang harmoni, boleh menyampaikan atau menerangkan sesuatu maklumat dengan jelas dan berkesan akan menimbulkan suasana pekerjaan yang santai dan memudahkan membantu proses pekerjaan berjalan dengan lancar.

Che Husain dan Tengku Kasim(2008) telah menjalankan kajian tentang pembentukan akhlak mulia mahasiswa melalui penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Menurut beliau, bagi menarik minat pelajar untuk menguasai kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, pensyarah terlebih dahulu menyediakan mekanisme pembelajaran yang kreatif. Disini dapat dilihat bagi mendorong pelajar mengambil pendekatan pembelajaran

yang sesuai, pensyarah memainkan peranan yang besar dalam menjana permulaan setiap tingkah laku pelajar. Beliau mencadangkan untuk meningkatkan kemahiran ini, teknik yang sesuai digunakan ialah melalui pembentangan. Dengan pembentangan, pelajar akan bekerjasama dan dapat meningkatkan tahap kemahiran lain iaitu bekerja secara berkumpulan dan kemahiran berkomunikasi.

Idris, Ariffin dan Mohd Ishak (2009) turut menyatakan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, antara faktor yang menjadi sebab pengangguhan ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal yang berkaitan penyelesaian masalah. Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar untuk menjadi insan yang lebih berjaya dan cemerlang dari segi akademik, pekerjaan dan lain – lain. Kemahiran berfikir kritikal, menyelesaikan masalah dan komunikasi berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran pemikiran kritikal merupakan kemahiran yang sering digunakan pelajar semasa mengumpul maklumat dan bahan untuk melaksanakan tugas yang membolehkan pelajar menapis dan menyaring maklumat yang berkualiti bagi menghasilkan tugas yang berkualiti. Ini menunjukkan dengan penerapan kemahiran insaniah pada tahap yang tinggi dan cekap akan membantu pelajar dalam melaksanakan tugas dengan lincis dan telus serta dapat membantu pelajar untuk menghasilkan suatu hasil atau karya yang berkualiti.

Kajian yang dijalankan oleh Bishen Singh (1997) terhadap pegawai – pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Perak pula mendapati bahawa elemen kerja berpasukan menunjukkan min yang paling tinggi dan elemen komunikasi menunjukkan terendah. Semangat berpasukan dalam kajian ini berlandaskan tahap kepercayaan, komunikasi, kerjasama, sokongan pemimpin dan pengendalian konflik.

Doraet.al (2008) menyebut komunikasi membawa pengertian perkongsian maklumat antara pihak sumber dengan pihak penerima. Beliau menggariskan lima ciri utama komunikasi berkesan yang boleh digunakan dalam meningkatkan lagi tahap penggunaan dan penguasaan kemahiran komunikasi. Lima ciri komunikasi berkesan ini ialah kefahaman, keseronokan, mempengaruhi sikap, memperbaiki hubungan dan wujud tindakan susulan. Penggunaan bahasa merupakan penentu kepada kemahiran berkomunikasi berkesan dalam penjana ilmu. Kini, bahasa inggeris digunakan secara meluas di lebih 100 buah negara diseluruh dunia. Oleh



sebab itu, selain daripada penguasaan bahasa Melayu, pelajar juga disarankan supaya menguasai bahasa Inggeris.

### **2.2.2 Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah**

Kemahiran ini merupakan kebolehan seseorang untuk menggunakan proses – proses menyelesaikan masalah, mengenalpasti masalah dan peluang, menganalisis aspek utama dalam masalah yang diberikan dan memikirkan strategi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Resnick dan Wirt (1996) menyebut, dalam menyelesaikan sesebuah masalah, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif diperlukan untuk mencapai strategi yang jitu dan berkesan dalam mencari penyelesaiannya.

Kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah (CTPS) menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) ialah kemahiran yang melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada baru dan berlainan.

Dora *et al* (2008) menyatakan kemahiran ini amat penting dalam kehidupan seharian samada sebagai seorang surirumah, kerani, pendidik, jurutera, pensyarah, pegawai perubatan, ahli perniagaan, golongan profesional, pelajar dan sebagainya.

### **2.2.3 Kemahiran Kerja Berpasukan**

Kemahiran ini menggalakkan pelajar untuk bekerjasama dengan orang lain dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Koffel (1994) menyatakan bahawa seseorang yang bekerjasama didalam sebuah kumpulan perlu berkomunikasi dengan baik, teratur dalam pengurusan kerja dan bertolak ansur. Kemahiran berpasukan menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) ialah bekerjasama sebagai sebuah kumpulan melibatkan gabungan kekuatan mental, fizikal dan emosi yang akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi.

Rasid *et al* dalam Esadan Mustaffa (2010) menyatakan kemahiran ini melibatkan seseorang itu berinteraksi dengan orang lain, memotivasikan individu lain, membantu menyelesaikan masalah dan dapat menampilkan ciri – ciri kepimpinan. Sebagai seorang pelajar yang menyediakan dirinya kedalam dunia pekerjaan, kemahiran berkomunikasi ini merupakan suatu jenis kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai kerana ia akan membolehkan seseorang pekerja itu

bekerja dalam satu organisasi dengan baik. Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama.

Hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Bishen Singh (1997) terhadap pegawai – pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Perak. Dalam kajian yang telah dijalankan, beliau mendapati bahawa tahap elemen kerja berpasukan adalah yang paling tinggi dan elemen kemahiran komunikasi berada pada tahap terendah. Beliau mendapati semangat berpasukan dalam kajian ini berlandaskan tahap kepercayaan, komunikasi, kerjasama, sokongan pemimpin dan pengendalian konflik.

Azman (2008) telah menjalankan kajian di tiga buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Politeknik Merlimau. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti samada terdapat penerapan kemahiran insaniah berasaskan Taksonomi Bloom di Politeknik dalam pengajaran program pendidikan kejuruteraan. Hasil dari kajian yang telah beliau jalankan mendapati penerapan kemahiran generik dalam pengajaran program pendidikan kejuruteraan di politeknik KPTM adalah pada tahap tinggi dengan domain kognitif dan afektif merupakan teras penerapan kemahiran komunikasi dengan nilai skor min 3.7955 dan 3.7440. Domain afektif dan kognitif turut mendominasi dalam penerapan kemahiran kerja berpasukan bagi sampel pensyarah (skor min = 3.9093) dan pelajar (skor min = 3.8768).

Doraet.al (2008) menyatakan kerja berpasukan adalah pengagihan tugas yang mana setiap ahli pasukan mempunyai peranan tersendiri bagi melaksanakan sesuatu matlamat. Setiap ahli mempunyai kekuatan yang tersendiri dan mereka saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Beliau juga menyatakan kerja berpasukan ini merujuk kepada sekumpulan pekerja dalam organisasi yang melaksanakan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama – sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan. Ahli – ahli pasukan akan berinteraksi rapat, berkongsi maklumat, membuat keputusan dan memikul tanggungjawab bersama bagi melakukan tugas yang ditetapkan.

#### **2.2.4 Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat**

Pembelajaran berterusan atau *lifelong learning* merupakan satu konsep yang perlu diperkasakan khususnya dalam sistem pendidikan negara bagi menjamin

kesinambungan pembentukan modal insan yang cemerlang. Menurut Doraet.al (2008), pembelajaran berterusan merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti sepanjang hayat dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan individu dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan alam sekitar. Pembelajaran berterusan menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006), melibatkan usaha belajar berdikari dalam pemerolehan kemahiran dan pengetahuan baru.

### **2.2.5 Kemahiran Keusahawanan**

Kemahiran keusahawanan menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko (*risk awareness*), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Usahawan idanggap sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Doraet.al (2008) mengatakan keusahawanan boleh disifatkan sebagai kebolehan, kemampuan serta kecenderungan seseorang usahawan untuk mencari peluang – peluang perniagaan, mengadaptasi elemen – elemen inovatif dalam produk yang dikeluarkan atau perkhidmatan yang ditawarkan membentuk suatu organisasi perniagaan, merangka perancangan yang strategik, mengusahakan perniagaan tersebut dan seterusnya memastikan perniagaan tersebut berkembang.

### **2.2.6 Etika dan Moral Profesional**

Etika dan moral profesional menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial. Doraet.al (2008) mentakrifkan etika sebagai satu set nilai dan peraturan yang menentukan betul atau salah sesuatu tingkah laku. Etika sesebuah masyarakat adalah berbeza dengan masyarakat yang lain. Tingkahlaku yang dikatakan beretika di sesebuah tempat tidak semestinya dianggap beretika di tempat lain.

### **2.2.7 Kemahiran Kepimpinan**

Seorang pemimpin bertanggungjawab keatas perjalanan organisasi. Antara ciri – ciri seorang individu itu untuk menjadi seorang pemimpin ialah kebolehannya untuk mempengaruhi orang lain melalui tindakannya dalam sesebuah tugas. Selain itu, ciri kepimpinan dilihat dari aspek arahan, sokongan, bersedia menerima kritikan dan pandangan, tolak ansur dan sedia mengalami perubahan dari masa ke masa. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) mendefinisikan kemahiran kepimpinan sebagai kemahiran yang melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti. Dora *et.al* (2008) menyatakan kepimpinan ialah tingkahlaku yang menunjukkan bagaimana seseorang individu itu berkeupayaan untuk mempengaruhi individu lain melaksanakan tugas dan amanah yang diberi.

### **2.3 Gaya pembelajaran**

Menurut Mohd. Nor (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum. Menurut Mustafa (2007), apabila pelajar diajar menggunakan gaya pengajaran yang berpadanan dengan cara atau gaya mereka belajar, maka mereka mendapat markah lebih tinggi dalam peperiksaan dan mendapat lebih pengetahuan fakta, berbanding mereka yang diajar dengan cara yang berlawanan gaya mereka.

Terdapat berbagai model gaya pembelajaran. Honey dan Mumford (1992) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkahlaku belajar yang diamalkan oleh individu. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran adalah cara seseorang mula menumpu perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang sukar atau baru. Tujuan menguji gaya pembelajaran adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang paling berkesan bagi sesuatu individu, mengenalpasti gaya pembelajaran yang tidak ketara, mengenalpasti gaya pembelajaran secara tepat melalui instrumen tertentu dan mengelakkan salah tafsir tingkahlaku dan mengenali tanda-tanda tingkahlaku tertentu. Terdapat pelbagai model gaya pembelajaran dijelaskan dalam bahagian yang seterusnya. Kajian ini menggunakan model Dunn dan Dunn (elemen emosi dan sosiologi) untuk mengukur gaya pembelajaran responden kajian.

### 2.3.1 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)

Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- a) kebanyakan individu mampu dan boleh belajar,
- b) setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu,
- c) gaya pembelajaran individu akan bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran
- d) iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang itu akan dapat mengoptimumkan proses pembelajaran.

Dun dan Dunn menyatakan individu pelajar dapat mempertingkatkan prestasi mereka sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disesuaikan dengan mengikut gaya pembelajaran mereka. Dunn dan Dunn mengkategorikan gaya pembelajaran kepada 5 bahagian iaitu Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Model Dunn dan Dunn telah digunakan untuk mengkaji pelbagai jenis pelajar dari peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Rajah 2.1 di bawah menjelaskan elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn.

PERSEKITARAN	BUNYI	CAHAYA	SUHU	REKABENTUK	
EMOSI	MOTIVASI	KECEKALAN	TANGGUNGJAWAB	STRUKTUR	
SOSIOLOGIKAL	RAKAN SEBAYA	KENDIRI	BERKUMPULAN	DEWASA	PELBAGAI
FIZIKAL	PERSEPSI INDERA	MAKAN DAN MINUM		MASA	MOBILITI
PSIKOLOGIKAL	ANALITIK	GLOBAL	OTAK KIRI/KANAN	REFLEKSI DIRI	DESAKAN

Rajah 2.1: Elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn  
(Dunn dan Dunn, 1978)

Dunn dan Dunn mengenalpasti lima jenis rangsangan yang menghasilkan gaya pembelajaran yang berbeza iaitu:

### **2.3.1.1 Elemen Persekitaran**

Rangsangan persekitaran merujuk kepada elemen-elemen cahaya, bunyi, suhu dan rekabentuk.

#### **a) Cahaya**

Kajian Dunn dan Dunn (1978) mendapati terdapat individu memerlukan persekitaran cahaya terang semasa belajar. Beliau mendapati cahaya memberikan kesan yang berbeza pada individu dan terdapat pelajar sangat sensitif terhadap cahaya. Menurut Siti Hawa Munji (1989), terdapat sebilangan pelajar yang gemar cahaya terang kerana pencahayaan yang samar akan membuatkan mata mereka cepat letih atau mengantuk. Namun, ada juga pelajar yang tidak suka sinaran cahaya yang terlalu terang. Tobias (1996) menyatakan bahawa terdapat pelajar tidak mengendahkan keperluan cahaya yang terang sewaktu belajar.

#### **b) Bunyi**

Menurut kajian Dunn dan Dunn (1978), terdapat individu yang memerlukan bunyi seperti muzik di persekitaran mereka semasa belajar. Oleh itu, mereka akan memasang radio atau televisyen sewaktu belajar terutamanya ketika larut malam kerana bunyi dari radio atau televisyen akan dapat mengatasi suasana yang sunyi itu dan dapat memberi lebih kosentrasi terhadap pelajaran mereka. Bagi mereka yang suka belajar dalam suasana yang sunyi pula, mereka lebih gemar belajar bersendirian berbanding secara berkumpulan kerana perbincangan yang berlaku dalam kumpulan akan mengganggu kosentrasi mereka. Menurut Abu Samah(1995), didapati faktor persekitaran yang bising serta tidak menyenangkan boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka. Garger dan Guild (1984) menjelaskan suasana persekitaran yang berbeza akan melahirkan gaya pembelajaran yang berbeza. Kebanyakan pelajar

## RUJUKAN

- Abdul Ghaffar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahman, M.K et. Al (2011). Amalan Gaya Pembelajaran Dalam Peningkatan Prestasi Akademik Di kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Melaka. Capaian pada 1 Jun 2012 dari <http://www.matrik.net/akaun/wp-content/uploads/2012/05/KAJIAN-AMALAN-GAYA-PEMBELAJARAN-DALAM-PENINGKATAN-PRESTASI-AKADEMIK-DI-KALANGAN-PELAJAR-JURUSAN-PERAKAUNAN-KOLEJ-MATRIKULASI-MELAKA.pdf>
- Abu Bakar, M.Y. (2008). *Pembangunan Modal Insan : Isu Dan Peranan IPT*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008. Capaian pada 11 Disember 2011 dari <http://seminar.spaceutm.edu.my/nasdec2008/Download/keynote.pdf>
- Abu Samah, I. (1995). *Keselesaan Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Sumber Manusia Di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu, B. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, Utm Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan penyelidikan (Vot Penyelidikan 71881).
- Azman, A. H. (2008). *Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran program pendidikan kejuruteraan di politeknik kementerian pengajian tinggi malaysia (KPTM)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Projek Sarjana.
- Bass, G.M. dan Greay, W.T. (1996). *Education Research Abstracts*. Accounting Education, (1), 238-242.
- Bell, M.E. (1972). *Learning and Instruction: Theory Into Practice*. New York: Macmillan Publishing Company.

- Bishen Singh, G. S. (1997). *Semangat Berpasukan Berkualiti Di Kalangan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Di Negeri Perak*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana
- Che Husain, F & Tengku Kasim, T. S. A. (2008). *Pembentukan Akhlak Mulia Mahasiswa Melalui Penerapan Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah: Suatu Pendekatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di IPT*. Prosiding SKIKS 2008
- Chua, Y.N. (2006). *Kaedah Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cynthia Ulrich Tobias (1996). *They Way They Learn*. Colorado: Focus On The Family.
- Dessier, G. (2001). *Leading People And Organization In The 21st Century*. Prentice Hall Inc
- Dora, M. T. *et al* (2008). *Kemahiran Insaniah, & Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Penerbit Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Dunn, R. dan Stevenson, J.M (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333-339.
- Dunn, R. dan Stevenson, J.M. (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333-339.
- Employers speak.*” Charlottesville, VA: Rector and Visitors of the University of Virginia. *Engineering Education*. 21(4) 425-434.
- Esa, A. dan Mustaffa, M. Z. (2010), *kemahiran insaniah: kajian di institusi – institusi pengajian*. Penerbit UTHM
- Esa, Ahmad and Mohamad, Baharom and Mohd Salleh, Berhannudin and Awang, Fauzianna (2008). *Penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan melalui pembelajaran koperatif : tinjauan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. In: Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, 22-23 Oktober 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Garger, S. dan Guild, P. (1984). *Learning Style: The Crucial Differences*. *Curriculum Review*, 23(1), 9-12.



- Hanifiyah, N. F. (2006). *Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Empat Menurut Model Dunn And Dunn Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Hargreave, D.J (1996). “*How Undergraduate Students Learn*” *European Journal of*
- Hashim, F & Mat Safar, H. (2008). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik : Satu Analisis Perbandingan*. Capaian pada 11 Mei 2012 dari [http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007\\_Fadilah\\_Hasmadi.pdf](http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007_Fadilah_Hasmadi.pdf)
- Hashim, S. dan Yaakub, R. (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publication Sdn Bhd.
- Hashim, S. dan Yaakub, R. (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publication Sdn Bhd.
- Hassan, H. & Ahmad, R. & Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktisiswa Perdana UniMap*. Capaian pada 10 Oktober 2011 dari <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/5842/1/KEMAHIRAN%20INSANIAH%20DAN%20KEPENTINGAN%20PENERAPANNYA%20DALAM%20PROGRAM%20BAKTISISWA%20PERDANA%20UniMAP.pdf>.
- Hassan, Z. (2007). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu*. Dicapai pada September 15, 2011 dari [http://eprints.utm.my/1496/1/kertas\\_kerja\\_generik.pdf](http://eprints.utm.my/1496/1/kertas_kerja_generik.pdf)
- Haynes, M.E. (1989). *Make Every Minute Count, How To Manage Your Time Effectively*. London: Crisp Publication.
- Honey, P. dan Mumford, A (1992). *The Manual of Learning Style*. (2nd ed.), United Kingdom: Peter Honey.
- Honey, P. dan Mumford, A. (1983). *Using Your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.
- Idris, R., Ariffin, S. R. & Mohd Ishak, N (2009). *Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikir Kritikal, Penyelesaian Masalah Dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. MJLI volume 6
- Institut penyelidikan pendidikan tinggi negara (2003). *Kajian masalah pengangguran dikalangan siswazah*. Capaian pada 10november 2011 dari

<http://www.ipptn.usm.my/attachments/Research/2003/Kajian%20Pengangguran%20di%20Kalangan%20Siswazah.pdf>

- Karim, N. S. (2010). *Tatabahasa Bahasa Melayu Daripada Bustan Al-Katibin kepada Tatabahasa Dewan*. Jabatan Penerbitan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2006). *Akta pertubuhan belia dan pembangunan belia 2006*. Capaian pada 1 November 2011 dari [http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ\\_akta\\_belia.pdf](http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf)
- Koffel, L (1994). *Teaching Workplace Skills: Creative Ways to Teach Students the Skills Employers Want*. Texas:Gulf Publishing Company. 1-2.
- Konting, M.N. (1993), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. Educational and Psychological Measurement.
- Likert, R. (1932). A Technique for The Measurement of Attitudes. New York: Columbia University Press.
- Long, A. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Low X. X. (2003). Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Di Kelas Lukisan Kejuruteraan Sekolah Menengah Sains Muar. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Martin, J. H., Carrier, A. H. and Hill, E. A. (1997). “*Virginia’s changing workplace*”
- Md Zain, S. *et al.* (2007). *Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Kursus Sistem Bioreaktor KW4113*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006). Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2006). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek sarjana.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor*. Tesis sarjana Universiti Teknologi Malaysia;2007

- Mohd. Nor, K. ( 1993 ). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur:Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Munji, S. H. (1989). *Strategi Belajar: Lulus Peperiksaan*. K. Lumpur: Usaha C & L Sdn. Bhd.
- Mustafa, R. (2007). *Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*. GEMA Online Journal of Language Studies Volume 7(1) 2007
- Mustapha, R.B (2002). *The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers*. Doctoral Dissertation. Purdue University. Capaian pada 1 November 2011 dari <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JITE/v39n2/mustapha.html>
- Myers, I. B. (1962). *Myers - Briggs Type Indicator*. Princeton : Educational Service .
- Othman, H. et al. (2008). *Perlaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar*. Prosiding SKIKS 2008.
- Othman, N. & Othman, S. R. (2004). *Gaya Pembelajaran Kolb Dalam Mata Pelajaran Biologi* : Universiti Teknologi Malaysia.
- Rasul, M.S. et al. (2009). *Peranan Institusi Pendidikan Teknikal Dalam Pemupukan Kemahiran 'Employability' Pelajar*. Jurnal Teknologi, 50(E) Jun 2009: 113–127. Capaian pada 28 Oktober 2011 dari <http://www.penerbit.utm.my/onlinejournal/50/E/JT50EJUN09.pdf>
- Razali, S.N. (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Resnick, L., & Wirt, J. (1996). *Linking School And Work: Roles For Standards And Assessment*. San Francisco: Jossey-Bass
- Sepikun, M. (2005). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Intrapersonal Dalam Pembelajaran di Kalangan Pelajar di Politeknik*. Capaian pada 1 Jun 2012 dari [http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ved=0CFEQFjAA&url=http%3A%2F%2Fps.uthm.edu.my%2Fv1%2Fen%2Fdownload%2Fdoc\\_download%2F721-penguasaan-kemahiran-komunikasi-intrapersonal-dalam-pembelajaran-di-kalangan-pelajar-di-politeknik.html&ei=yqn\\_T-](http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ved=0CFEQFjAA&url=http%3A%2F%2Fps.uthm.edu.my%2Fv1%2Fen%2Fdownload%2Fdoc_download%2F721-penguasaan-kemahiran-komunikasi-intrapersonal-dalam-pembelajaran-di-kalangan-pelajar-di-politeknik.html&ei=yqn_T-)

7vNsTtrAewv8WpBg&usg=AFQjCNErtONAEZUxLWYegkSU6RGiIpJ65Q  
&sig2=taH0RtGk3w5RoXUpUODWfg

- Taylor, B.M. dan Maruyama, G. (1990). *Time Spent Reading And Reading Growth*. American Educational Research Journal. vol. 5(3): 351-362.
- Tobias, C. U. (1996). *Cara Mereka Belajar*. Indonesia: Harvest Publishing House.
- Tugimin, A.J., Dora, M.T., Saadan. R. & Abd Halip, N.S. (2008). *Kesan Komunikasi Dalam Organisasi Keatas Kepuasan Kerja Staf Sokongan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Ucapan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 Kementerian Pengajian Tinggi 15 JUN 2010, PICC (2010). Dicapai pada September 15, 2011 dari <http://jpt.mohe.gov.my/PENGUMUMAN/Ucapan%20APC%202010.pdf>
- Watkins, D. (1982). *Factors Influencing The Study Methods Of Australia Tertiary Students*. Higher Education. vol. 11, 369-380.
- Wiley, D.E. and Harnischfeger, A. (1974). Explosion Of A Myth: Quality Of School And Exposure To Instruction. *Educational Researcher*, 7-12
- Yahaya, A. et.al (2002). *Hubungan di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah Menengah Di Johor Bahru*. In: International Conference on The challenge on Learning and Teaching in Brave New World • . Hatyai City College Thailand and School of Cognitive and Education, UUM, 14-16 October 2002. (tidak diterbitkan).
- Yahaya, A., Abdul Karim, S. & Yahaya, N. (2003). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik N.Sembilan*. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan Pacific, Johor Bahru, 19-21 Oktober 2003.
- Yahaya, Azizi and Hashim, Shahrin and Ramli, Jamaluddin and Sihes, Ahmad Johari (2005). *Orientasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan Implikasi Terhadap Pencapaian Akademik*. International Conference ON LEARNING AND MOTIVATION 10-12 September 2005 at City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, Malaysia . pp. 1-16. (Tidak diterbitkan)

- Yee, M.H. (2002). *Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Zain, M.S. *et al.* (2007). *Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Kursus Sistem Bioreaktor KW4113*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007. Capaian pada 1 Oktober 2011 dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb07/3.pdf>
- Zaini, A. (2005). *Students and Employers as Customers of Multimedia College*. Proceedings of National Seminar “The development of Technology And Technical-Vocational Education And Training In An Era of Globalization: Trend and Issues.” Kuala Lumpur.